

Kraf tangan

Kegiatan kraf tangan merupakan aktiviti sampingan, khususnya dalam kalangan wanita semasa menunggu padi dituai dan masa lapang. Kraf tangan juga akan dibuat sekiranya terdapat tempahan oleh penduduk tempatan dan penduduk dari luar serta pelancong. Namun begitu, pembuatan kraf tangan ini agak kurang aktif kerana permintaan yang sangat kurang selain pembuatan kraf tangan yang lebih baik dan murah boleh dibeli daripada penduduk Suku Lun Lundayeh di Long Bawan, Indonesia yang bersempadan dengan Ba'kelalan.



Perusahaan manik yang diusahakan oleh masyarakat Lun Bawang